

# Tak sia-sia ternak udang galah

**Dua penternak tunggal negeri ini dibantu Jabatan Perikanan**

NOOR HAYATI MAMAT

HULU TERENGGANU

Jabatan Perikanan Terengganu kenal pasti bantuan dapat disalurkan kepada dua sahabat di Kampung Kua, yang usahakan kolam ternakan udang galah air tawar tunggal di negeri ini.

Pengarahnya, Zawawi Ali berkata, pihaknya juga berhasrat untuk menjadikan projek itu sebagai pusat latihan bagi memberi latihan kepada mana-mana individu berminat khususnya yang telah mempunyai kolam.

"Bagi Terengganu, kita ada satu tempat sahaja ternak udang galah. Projek ini inisiatif bagus diusahakan dua orang muda dan tentunya sesuatu yang membanggakan, apatah lagi udang susah dibela berbanding ikan.

"Kita adakan lawatan untuk lihat keperluan serta bentuk bantuan boleh disalurkan kepada pengusaha. Bantuan tidak semestinya daripada Jabatan Perikanan sahaja tetapi juga pihak berkaitan lain.

"Memandangkan ini projek pertama dan tunggal di Terengganu, secara tidak langsung promosikan daerah Hulu Terengganu. Pejabat Daerah juga boleh mainkan penglibatan dalam hal ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui di tapak projek kolam ternakan udang galah diusahakan bersama Mohd Rahmat Saimi, 32, Syed Mohd



Zawawi (kanan) turut melawat pusat pembiakan benih dan asuhan udang galah di Kampung Kua.

Imran Syed Ahmad, 24, lebih dua tahun lalu.

Kedua-dua belia berkenaan hanya jadikan ternakan udang galah itu sekadar pendapatan sampingan kerana telah mempunyai kerja lain dan mereka lazimnya

peruntukkan waktu pagi serta petang sahaja untuk ke kolam.

Kolam terletak kira-kira empat kilometer dari laluan utama serta berada atas bukit itu membolehkan setiap kolam dibekalkan air bukit se-

tiap masa dan ternakan itu ditenak secara konvensional tanpa gunakan alat pengudaraan.

Zawawi berkata, pihaknya juga turut melihat kemampuan pengusaha terlibat menghasilkan sendiri benih

**info** ● Hasrat jadikan projek itu sebagai pusat latihan

udang dan sekiranya melebihi daripada keperluan kolam sedia ada, jabatan perikanan akan turut bantu dari segi promosi.

"Kalau boleh juga kita berhasrat hendak wujudkan pusat latihan, biar orang datang ke sini untuk belajar cara ternak udang. Bagaimanapun, kita kena tapis dan seeloknya biar mereka yang ada kolam sebab ternak ikan dengan udang berbeza," ujarnya.

Sementara itu, Mohd Rahmat berkata keseluruhan kolam yang ada kini sebanyak 28 buah dan sekitar Oktober tahun lepas dia serta sahabatnya mempunyai tempat pembiakan benih dan asuhan udang galah sendiri.